

**Malaysia Tawar Kongsi Pengalaman Dalam Membangunkan Rangka Kerja Perkongsian
Bernama
04 Julai, 2012
Oleh Ahmad Fuad Yahya**

YOGYAKARTA, 4 Julai (Bernama) -- Malaysia menyatakan kesediaan untuk berkongsi pengalaman dan kepakarannya dalam membangunkan rangka kerja luas bagi pengantarabangsaan pendidikan sebagai langkah ke arah Jendela Tunggal Asean dalam kerjasama pendidikan kalangan negara anggota.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata memandangkan Jendela Tunggal Asean adalah satu daripada mekanisme untuk merealisasikan komuniti Asean menjelang 2015, ia haruslah lebih menarik dan mudah diperolehi semua, menyediakan kecemerlangan dan pendidikan berkualiti dengan kaitan pasaran buruh yang tinggi. "Jendela Tunggal ini harus juga fleksibel untuk membolehkan peresapan antara sistem pendidikan yang berbeza.

"Dalam hubungan ini, Malaysia amat percaya akan perlunya bagi pembangunan rangka kerja luas untuk pengantarabangsaan dalam bidang pendidikan. Program mobiliti pelajar dengan sistem pemindahan kredit di antara universiti di Malaysia, Indonesia dan Thailand, merupakan satu daripada inisiatif berpandangan jauh di bawah rangka kerja itu," katanya pada Mesyuarat Menteri-menteri Pelajaran Asean Ke tujuh (ASED ke-7) di sini, Rabu.

Jendela Tunggal Asean ialah suatu suasana di mana jendela tunggal kebangsaan negara-negara anggota beroperasi dan bersepadu.

Berucap semasa taklimat dasar bertajuk "Ke arah Jendela Tunggal Asean: Memperkukuh Kerjasama Pendidikan Kita", Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, mengucapkan tahniah kepada Indonesia kerana menggariskan secara komprehensif hala tuju untuk meningkatkan kerjasama pendidikan serantau dalam taklimat itu.

Malaysia, katanya, percaya bahawa lensa tunggal ini akan pastinya memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang pendidikan dalam kalangan negara anggota Asean.

"Sebagai komuniti tunggal, kita harus bersatu dalam tujuan dan semangat. Memandangkan pelbagai cabaran yang harus dihadapi, terdapat keperluan untuk membangunkan program yang diperlukan bersama, yang membolehkan rangka kerja perkongsian tanpa batasan diwujudkan ke arah memperbaiki kualiti pendidikan," katanya.

Muhyiddin juga menegaskan akan perlunya Asean membangunkan pengupaya kritikal pendidikan berkualiti dan memastikan program yang dibangunkannya itu mengandungi usaha untuk memperbaiki kualiti guru-guru, kepimpinan dan kurikulum serta sistem penilaian yang relevan dan berkebolehan dalam melahirkan individu yang inovatif dan kreatif.

"Keutamaan strategik kita, memerlukan kita untuk fokus terhadap Sistem, Komuniti kita dan Kesalinghubungan kita. Oleh itu adalah penting bagi kita belajar yang terbaik dalam kalangan kita dalam bidang yang saya telah gariskan, dan mungkin lebih lagi, akan tiada lagi jurang serantau antara kita," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata Malaysia mengalu-alukan inisiatif bersama oleh negara-negara anggota Asean untuk memperbaiki kualiti pendidikan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678062>